

'Jangan jadikan mangsa'

BH 5 APR 1985

KUALA LUMPUR, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan industri-industri tempatan jangan menjadikan para pengguna sebagai mangsa dalam usaha mereka meningkatkan keupayaan negara di bidang industri pembuatan.

Beliau yakin, pengguna-pengguna tempatan sanggup membuat pengorbanan awal dengan membayar harga yang lebih tinggi sedikit bagi barangan tempatan untuk membantu memajukan industri pembuatan dalam negeri.

"Selaras dengan pengorbanan para pengguna itu, pengusaha barangan tempatan harus berusaha meningkatkan kecekapan dengan mengeluarkan barangan bermutu dan harga berpatutan," tegasnya.

Dalam ucapan di majlis pelancaran kempen 'Belilah Barangan Buatan Malaysia' di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, kerajaan merasa serba salah dalam memberi perlindungan kepada industri-industri tempatan kerana langkah itu tidak akan memberi faedah dalam jangka panjang.

"Sebaliknya, usaha-usaha yang giat harus dilaksanakan oleh pihak in-

dustri tempatan bagi meningkatkan daya pengeluaran dari segi mutu dan harga sehingga perlindungan yang diberi dapat dikurangkan sekiranya tidak dapat dihapuskan sama sekali," katanya.

Peluang

Ucapan beliau dibacakan oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah.

Katanya, industri tempatan yang mendapat perlindungan kerajaan bernasib baik kerana kesan persaingan dengan barangan import dapat dikurangkan tetapi malangnya, beberapa unsur negatif timbul berikutan perlindungan seperti itu.

Menurut beliau, antaranya ialah industri-industri tempatan menjadi tidak cekap dan mutu barangan tidak meningkat.

"Pembelian barangan tempatan yang meningkat bererti barangan yang diimport berkurangan dan ini mengurangkan aliran keluar tukaran asing.

"Pengurangan pengaliran keluar tukaran asing akan menjadikan imbang bayaran negara bertambah kukuh, manakala pembelian barangan tempatan yang

dertambah pula akan meningkatkan peluang pekerjaan bagi penduduk negara ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, perkara itu jelas terbukti dengan penubuhan pelbagai jenis kilang pembuatan yang menyediakan semakin banyak peluang pekerjaan kepada rakyat dan seterusnya mampu meningkatkan taraf hidup.

Katanya, pekerja-pekerja tempatan pula akan dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan teknologi masing-masing melalui penubuhan industri-industri barangan yang akan menyediakan peluang latihan bagi kakitangan masing-masing.

Beliau menggesa pekilang-pekilang tempatan supaya mengeluarkan barangan yang menepati piawai-piawai yang sedia ada.